

[KAIFIAT KHATAM QURAN BY SHEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FATĀNĪ: AN INTRODUCTION]

KAIFIAT KHATAM QURAN KARYA SYEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FATĀNĪ: SUATU PENGENALAN

AMIRUL HISHAM BIN AFANDI
Email: amirulhishamafandi@gmail.com

Received: 14th May 2023

Accepted: 25th May 2023

Published: 1st June 2023

Abstract

The Kaifiat Khatam Quran is a renowned Jawi book (kitab Jawi) in the Malay world. It is attributed to Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani. However, research on this text has been inadequately conducted, with no recent research found. This lack of attention and documentation calls for an urgent need to investigate and document the Kaifiat Khatam Quran based on current information. Therefore, the objective of this paper is to document information on the Kaifiat Khatam Quran. The researcher presents an introduction to five important aspects of the text, using a documentation method. The study is based on two printed copies of Kaifiat Khatam Quran only. The author finds the Kaifiat Khatam Quran to be an important work of Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani. The text discusses Quranic knowledge, which has been less frequently written about compared to matters of creed (akidah) and jurisprudence (fiqh). The text's brief and succinct nature may explain why it has received attention among Malay communities, with its widespread printing serving their needs. This illustrates the significance of the Kaifiat Khatam Quran for the development of Islam in the Malay world. However, more comprehensive research based on extensive and detailed information is necessary to improve documentation. Areas of improvement, such as text validation (tahkik) and transliteration, need to be addressed from time to time. This will ensure that the Kaifiat Khatam Quran is adequately documented.

Keywords: *Kitab Jawi, Kaifiat Khatam Quran, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatānī, Islam in Malay world*

ABSTRAK

Kaifiat Khatam Quran adalah salah sebuah kitab Jawi yang terkenal di alam Melayu. Kitab ini dinisbahkan kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatānī. Namun begitu, kajian mengenainya masih tidak dijalankan dengan baik. Pengkaji tidak menemui kajian terkini mengenainya. Hal ini menyebabkan sebuah dokumentasi Kaifiat Khatam Quran perlu dilakukan segera berdasarkan maklumat semasa. Justeru itu, objektif kertas kerja ini adalah mendokumentasi maklumat Kaifiat Khatam Quran. Pengkaji akan menjelaskan lima aspek penting sebagai pengenalan Kaifiat Khatam Quran. Bagi mencapai objektif ini, pengkaji menggunakan metode dokumentasi. Kajian ini dilakukan berdasarkan dua buah naskhah bercetak Kaifiat Khatam Quran sahaja. Pengkaji mendapati Kaifiat Khatam Quran salah sebuah karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatānī yang penting. Hal ini demikian kerana karya ini membincangkan ilmu al-Quran yang jarang ditulis secara meluas berbanding ilmu akidah dan fiqh. Perbincangan yang dikemukakan ringkas dan parat. Justeru itu tidak hairanlah Kaifiat Khatam Quran mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Melayu. Ia pernah dicetak secara meluas bagi memenuhi keperluan mereka. Hal ini menunjukkan kepentingan Kaifiat Khatam Quran terhadap perkembangan Islam alam Melayu. Namun begitu, kajian lebih mendalam berdasarkan maklumat lebih meluas dan terperinci perlu dilakukan dari masa ke masa. Masih terdapat ruang penambahbaikan seperti tahkik dan transliterasi perlu dilakukan. Hal ini demikian agar Kaifiat Khatam Quran dapat didokumentasi dengan lebih baik.

Kata kunci: Kitab Jawi, *Kaifiat Khatam Quran*, Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī, Islam alam Melayu

PENDAHULUAN

Para pengkaji seperti Wan Mohd Saghir (2019: 63) menyenaraikan *Kaifiat Khatam Quran* sebagai salah sebuah karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī. Menurut beliau, kitab ini merupakan karya terawal alam Melayu berbentuk himpunan amalan masyarakat seperti cara mengkhatamkan al-Quran dan berbagai doa. Justeru itu, tidak hairanlah karya ini menjadi panduan kebanyakan masyarakat alam Melayu sebelum kemunculan karya lain dalam bentuk yang sama.

Dalam kertas kerja ini, pengkaji akan menjelaskan lima aspek mengenai *Kaifiat Khatam Quran*. Aspek pertama, judul lengkap *Kaifiat Khatam Quran*. Aspek kedua, kesahihan nisbah *Kaifiat Khatam Quran* kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī. Aspek ketiga, naskah bercetak *Kaifiat Khatam Quran*. Aspek keempat, kandungan *Kaifiat Khatam Quran*. Aspek kelima kekeliruan terhadap *Kaifiat Khatam Quran*. Kelima-lima aspek ini penting untuk menjadi pengenalan awal terhadap *Kaifiat Khatam Quran* sebagai salah sebuah karya alam Melayu yang berpengaruh.

Judul lengkap *Kaifiat Khatam Quran*

Kaifiat Khatam Quran adalah nama rasmi yang digunapakai oleh para pengkaji seperti Wan Mohd Saghir (2019: 63). Penamaan ini berasaskan nama yang diberikan oleh penerbit pada muka hadapan. Hal ini demikian kerana tidak ada sebarang kenyataan dalam teks yang menyatakan nama rasmi karya seperti kebiasaan dalam sesebuah penulisan. Pengkaji berpendapat penerbit merujuk kepada kenyataan pertama dalam teks untuk dijadikan nama rasmi. Berikut adalah kenyataan pertama dalam teks, “*Bi Ism Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm. Ini kaifiat khatam Quran serta doa, yaitu dibacanya...*” (Daud al-Faṭānī, 1342H: 2). Justeru itu, nama *Kaifiat Khatam Quran* yang dijadikan nama rasmi karya ini bersesuaian dengan kandungannya.

Kesahihan nisbah *Kaifiat Khatam Quran* kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī.

Selepas disenaraikan Wan Mohd Saghir (2019: 63) sebagai salah sebuah karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī, para pengkaji selepas beliau seperti Ahmad Zuhdi Ismail, Farid Mat Zain dan Abdul Rahman Mahmood (Farid Mat Zain et.al: 77, 204) turut menyenaraikan hal yang sama. Seolah-olah mereka hanya menjadikan Wan Mohd Saghir sebagai rujukan utama dalam hal ini tanpa bantahan. Wan Mohd Saghir (2019: 63) menegaskan walaupun nama Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī tidak ditemui bertulis sebagai pengarang dalam edisi cetakan, *Kaifiat Khatam Quran* seolah-olah diterima secara tanpa keraguan (*unquestioned*) sebagai karya beliau. Justeru itu, *Kaifiat Khatam Quran* merupakan karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī yang disepakati sebagai salah sebuah karya beliau.

Pendapat Wan Mohd Saghir (2000: 15) ini berasaskan kenyataan Syeikh Muhammad bin Ismail al-Faṭānī. Beliau menjelaskan edisi bercetak *Kaifiat Khatam Quran* tidak lagi boleh dianggap karya asli Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī dalam salah sebuah surat kepada Muhammad Husin bin Abdul Latif. Hal ini demikian kerana ia telah disisipi penambahan diluar penulisan asal. Justeru itu, dapat difahami bahawa Syeikh Muhammad bin Ismail al-Faṭānī mengakui *Kaifiat Khatam Quran* sebagai salah sebuah karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī.

Namun begitu, pengkaji tidak menemukan bukti dalam teks untuk menyokong kenyataan ini. Hal ini demikian kerana *Kaifiat Khatam Quran* tidak mempunyai pendahuluan dan penutup penulisan sebagaimana kebanyakan karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī. Tanpa pendahuluan, perbincangan terus kepada maksud penulisan. Selain itu, tanpa penutup, perbincangan terus berhenti apabila tercapai maksud penulisan. Seolah-olah tujuan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī menulis *Kaifiat Khatam Quran* hanya sebagai catatan ringkas (*brief notes*), bukan sebagai sebuah karya rasmi (*formal writting*) seperti karya yang lain. Kesimpulannya, *Kaifiat Khatam Quran* dianggap sebagai salah sebuah karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī berdasarkan kenyataan Syeikh Muhammad bin Ismail al-Faṭānī sahaja. Hal ini demikian kerana tidak ada bukti dalam teks yang menyokong hal ini. Namun begitu, kedudukan Syeikh Muhammad bin Ismail al-Faṭānī sebagai cucu saudara dan murid Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī cukup menjadi pengukuh fakta ini. Beliau boleh dianggap lebih mengetahui berkaitan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī dan karya-karya beliau berbanding orang lain.

Naskhah bercetak *Kaifiat Khatam Quran*

Menurut Wan Mohd Saghir (2019, 63) *Kaifiat Khatam Quran* mempunyai beberapa edisi bercetak yang dilakukan oleh pusat-pusat percetakan di Mekah, Mesir, Turki, Mumbai, dan di Asia Tenggara. Namun begitu, pengkaji hanya dapat mengesan tiga buah naskhah yang diterbitkan di Mesir semasa kajian ini dilakukan. Naskhah pertama, dicetak oleh penerbit Mustafa al-Ḥalābī. Naskhah kedua, dicetak oleh penerbit Dār ‘Iḥyā’ Kutub al-‘Arabiyah. Naskhah ketiga, dicetak oleh penerbit Dār al-Sa`ādāt.


Daripada tiga buah naskhah yang dikesan ini, hanya dua buah naskhah iaitu naskhah pertama dan naskhah kedua pengkaji temui dalam bentuk fizikal. Hal ini demikian kerana kedua-duanya masih berada dalam pasaran. Manakala naskhah ketiga hanya dikesan berdasarkan penulisan Wan Mohd Saghir (2019, 64). Sehingga kajian ini dilakukan, pengkaji tidak berpeluang mendapatkan naskhah ketiga dalam bentuk fizikal. Berikut penjelasan ringkas mengenai naskhah pertama dan naskhah kedua:

a) Naskhah Mustafa al-Ḥalābī (A)


Naskhah ini dicetak pada Rejab dan Jamadilawal 1342H. Naskhah ini ditashih oleh Abdullah bin Ibrahim al-Qadaḥī (1342H: 328). Naskhah ini dicetak bersama empat buah karya yang lain dan doa, khutbah, surah, dan bacaan tarhim. Justeru itu, jumlah keseluruhan halaman naskhah ini ialah 355 halaman. Berikut susunan kandungan selepas *Kaifiat Khatam Quran* iaitu *Tartīb al-Ṣalāh*, *Kaifiat Tarekat Penghulu Kami Ahli al-Shaṭṭār*, doa, khutbah, Surah al-‘Insān, Surah Yāsīn, *Matan Akidah al-‘Awām*, *al-Tarḥīm*, *Ratib al-Ḥaddād*, dan *Manāsik al-Ḥajj*. Daripada keseluruhan halaman, *Kaifiat Khatam Quran* hanya terdiri daripada 127 halaman. Berikut lampiran muka hadapan dan halaman akhir *Kaifiat Khatam Quran* naskhah A:

Lampiran 1: Muka hadapan dan halaman akhir *Kaifiat Khatam Quran A*

Muka hadapan



Halaman akhir




b) Naskhah Dār 'Iḥyā' Kutub al-'Arabiyyah (B)


Naskhah ini dicetak pada Syawal 1344H dan Zulkaedah 1346H. Naskhah ini ditashih oleh Ilyas Yaakub al-'Azharī (1346H: 323). Naskhah ini juga telah dicetak bersama empat buah karya yang lain dan doa, khutbah, surah, dan bacaan tarhim. Justeru itu, jumlah keseluruhan halaman naskhah ini ialah 329 halaman. Berikut susunan kandungan selepas *Kaifiat Khatam Quran* iaitu *Tartīb al-Ṣalāh*, *Kaifiat Tarekat Penghulu Kami Ahli al-Shaṭṭār*, doa, khutbah, Surah al-'Insān, Surah Yāsīn, doa surah Yasin, *Matan Akidah al-'Awām*, *al-Tarḥīm*, *Ratib al-Ḥaddād*, dan *Manāsik al-Ḥajj*, Surah al-Kahfī, dan Surah al-Sadajah. Daripada keseluruhan halaman, *Kaifiat Khatam Quran* hanya terdiri daripada 116 halaman. Berikut lampiran muka hadapan dan halaman akhir *Kaifiat Khatam Quran* naskhah B:

Lampiran 2: Muka hadapan dan halaman akhir *Kaifiat Khatam Quran B*

Muka hadapan



Halaman akhir



Kedua-dua buah naskhah ini mempunyai persamaan yang ketara. Selain kedua-duanya dicetak di Mesir, kandungan keseluruhan kedua-dua buah naskhah ini juga sama. Namun begitu perbezaanya, naskhah Dār 'Iḥyā' Kutub al-'Arabiyyah mempunyai dua penambahan daripada naskhah Mustafa al-Ḥalābī pada bahagian akhir. Penambahan pertama ialah Surah al-Kahfī. Manakala penambahan kedua ialah Surah al-Sajadah. Selain itu, *Kaifiat Khatam*

Quran dalam naskhah Mustafa al-Ḥalābī terdiri daripada 127 halaman berbanding dalam naskhah Dār ‘Ihyā’ Kutub al-‘Arabiyah yang terdiri daripada 116 halaman.

Pengkaji tidak dapat mengesan naskhah *Kaifiat Khatam Quran* yang lebih awal berbanding naskhah A. Namun begitu, tidak bermakna naskhah ini merupakan naskhah terawal. Hal ini demikian kerana naskhah ini merupakan kesinambungan daripada naskhah yang dicetak lebih awal. Perkara ini ditegaskan sendiri oleh Abdullah (1342H: 328). Beliau hanya melakukan kerja tashih terhadap naskhah tersebut kerana naskhah sebelumnya tidak ditashih oleh orang Melayu sendiri. Hal ini menyebabkan naskhah sebelumnya mempunyai kesalahan daripada sudut bahasa dan ejaan. Justeru itu, diluar sana masih dapat naskhah *Kaifiat Khatam Quran* lebih awal daripada naskhah A.

Kandungan *Kaifiat Khatam Quran*

Menurut Syeikh Muhammad bin Ismail al-Faṭānī, terdapat penambahan terhadap kandungan *Kaifiat Khatam Quran* selain daripada kandungan asal karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī (Wan Mohd Saghir, 2019: 63). Namun begitu, beliau tidak menjelaskan dengan terperinci mengenai penambahan ini. Pengkaji mendapati selain kandungan mengenai kaifiat mengkhatamkan al-Quran, terdapat juga beberapa perkara berkaitan hal lain seperti khutbah nikah. Pada pandangan pengkaji kandungan sebenar *Kaifiat Khatam Quran* yang dikarang oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī hanya berkaitan kaifiat mengkhatamkan al-Quran. Penambahan lain yang tidak berkaitan dengan hal ini adalah penambahan yang dimaksudkan oleh Syeikh Muhammad bin Ismail al-Faṭānī.

Justeru itu, *Kaifiat Khatam Quran* yang asal sepatutnya lebih ringkas berbanding kandungan dalam edisi bercetak. Berikut merupakan jadual kandungan *Kaifiat Khatam Quran* edisi bercetak:

Jadual 1: Kandungan *Kaifiat Khatam Quran* edisi bercetak

Bil	Kandungan	Naskhah A	Naskhah B
1	Kaifiat mengkhatamkan Quran	2	2
2	Doa khatam Quran untuk mayat versi panjang	22	20
3	Doa khatam Quran untuk mayat versi pendek	37	34
4	Doa khatam Quran untuk Ramadan dan lain-lain	44	41
5	Doa arwah	55	51
6	Doa selepas kenduri	58	53
7	Doa tolak bala dan wabak	60	55
8	Doa selepas makan bubur Asyura	66	60
9	Khutbah nikah	68	63
10	Khutbah nikah Fatimah dan Ali	71	65
11	Kaifiat sembahyang mayat	73	67
12	Kaifiat mengebumikan mayat	80	74
13	Kaifiat sembahyang tarawih	93	86
14	Kaifiat sembahyang witr dalam Ramadan	118	108

Pengkaji berpendapat kandungan asal *Kaifiat Khatam Quran* hanya melibatkan bilangan satu, dua, tiga, dan empat. Kandungan bilangan lima sehingga 14 merupakan penambahan yang menyisip dalam *Kaifiat Khatam Quran*. Hal ini demikian kerana bilangan

satu sehingga empat mempunyai kaitan rapat yang sesuai dengan kenyataan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī (1343H: 2), “*Ini kaifiat khatam Quran serta doa*”. Doa yang dimaksudkan tentulah merujuk kepada doa berkaitan pengkhataman al-Quran iaitu doa pada bilangan dua, tiga dan empat. Justeru itu, daripada 127 halaman dalam A, *Kaifiat Khatam Quran* hanya terdiri daripada 55 halaman sahaja. Manakala daripada 116 halaman, *Kaifiat Khatam Quran* hanya terdiri daripada 50 halaman sahaja.

KESIMPULAN

Kaifiat Khatam Quran merupakan salah sebuah karya penting Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī. Walaupun karya ini lebih ringkas, ia memuatkan perbincangan yang tidak ada dalam karya beliau yang lain. Hal ini menunjukkan sumbangan dan perhatian Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī dalam menyebarkan ilmu berkaitan al-Quran kepada masyarakat Melayu. Percetakan yang meluas sama ada di Mekah, Mesir, Turki, Mumbai, dan di Asia Tenggara juga membuktikan karya ini mendapat permintaan yang tinggi dalam masyarakat. Secara tidak langsung, hal ini menunjukkan kesan nilai ilmiah *Kaifiat Khatam Quran* terhadap mereka.

CADANGAN

Oleh sebab kajian ini bersifat pengenalan, masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi melengkapkan dokumentasi mengenai *Kaifiat Khatam Quran*. Berikut tiga cadangan dikemukakan bagi rujukan pengkaji akan datang:

1. Mengesan dan mengumpul manuskrip dan edisi bercetak *Kaifiat Khatam Quran*. Hal ini demikian kerana pengesanan dan pengumpulan ini dapat merintis kajian berbentuk tahkik *Kaifiat Khatam Quran*. Selain itu pengumpulan manuskrip juga mungkin dapat mengesahkan maklumat penting *Kaifiat Khatam Quran* seperti pengarang dan kandungan.
2. Menganalisis kandungan *Kaifiat Khatam Quran*. Hal ini demikian kerana analisis kandungan penting bagi mengesan sumber dan kecenderungan pemikiran dalam *Kaifiat Khatam Quran*. Justeru itu, ia dapat melengkapkan lagi kajian mengenai perkembangan Islam alam Melayu.
3. Mentransliterasi *Kaifiat Khatam Quran* kepada tulisan rumi. Hal ini demikian kerana *Kaifiat Khatam Quran* masih berada bentuk Jawi. Justeru itu, transliterasi ini dapat membantu generasi buta Jawi untuk membaca kandungannya.

RUJUKAN

Daud al-Faṭānī. 1342H. *Kaiḫiat Khatam Quran* dalam Abdullah (ed). *Ini Kaiḫiat Khatam Quran*. Mesir: Maṭba`ah Mustafa al-Ḥalabī.

Ilyas Yaakub (ed). 1346H. *Ini Kaiḫiat Khatam Quran*. Mesir: Dār ‘Iḫyā’ Kutub al-`Arabiyah
Abdullah (ed). 1342H. *Ini Kaiḫiat Khatam Quran*. Mesir: Maṭba`ah Mustafa al-Ḥalabī

Wan Mohd Saghir. 2019. *Syeikh Daud al-Fathani: Pengarang Ulung Asia Tenggara*.
Selangor: Khazanah Fathaniyah.

Wan Mohd Saghir. 2000. *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu (Jilid 10)*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Farid Mat Zain, Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal, Zamri Arifin, Anwar Fakhri Omar (ed).
2016. *Ulama Patani: Ketokohan dan Keilmuan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.